

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 12 MAC 2015

RUJUKAN : 7698

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini usaha Kerajaan membawa pulang Raja Petra Kamarudin, Ali Abd Jalil, Alvin Tan, Sirul Azhar Umar dan dalang skim cepat kaya YSLM. Apakah status warganegara mereka, adakah pasport mereka telah ditarik balik dan di manakah mereka berada sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang meneliti peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk membawa pulang individu-individu yang disebutkan di atas ke Malaysia untuk dibicarakan dan dijatuhkan hukuman. Antara langkah yang boleh diambil adalah melalui proses ekstradisi.

Proses ekstradisi memakan masa kerana ia melibatkan isu undang-undang antarabangsa yang rumit dan ia perlulah dikendalikan dengan berhati-hati. Selain menyentuh dasar dan undang-undang negara lain, proses ekstradisi turut menyentuh isu hak asasi manusia di mana hukuman bagi sesuatu kesalahan berbeza di antara negara, termasuklah pelaksanaan hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua,

Raja Petra Kamarudin, Ali Abd Jalil dan Alvin Tan dikehendaki bagi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Ketiga-tiga mereka masing-masing dipercayai berada di United Kingdom, Sweden dan Amerika Syarikat. Sirul Azhar Umar pula dikehendaki bagi kesalahan membunuh dan sekarang berada di Australia. Kesemua mereka masih lagi warganegara Malaysia dan setakat

ini tindakan menarik balik pasport telah dibuat ke atas Ali Abd Jalil dan Alvin Tan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak mempunyai maklumat berkaitan dalang skim cepat kaya YSLM kerana ia di luar bidang kuasa Kementerian ini.